

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

- 1. BILANGAN SEBUTHARGA: 21/JMM/S/12/91 (2021/2022)**  
**TAJUK SEBUTHARGA: SEBUTHARGA BAGI PEMBELIAN ‘CASH REGISTER WITH AUTO SCANNER BAGI TIGA (3) BUAH BANGUNAN (MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA, MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU DAN MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM)**
  
- 2. BILANGAN SEBUTHARGA: 22/JMM/S/12/91 (2021/2022)**  
**SEBUTHARGA BAGI PEMBELIAN PERALATAN PENGIMBAS (SCANNER) UNTUK BAHAGIAN ARKIB NEGARA, JABATAN MUZIUM-MUZIUM**
  
- 3. BILANGAN SEBUTHARGA: 23/JMM/S/12/91 (2021/2022)**  
**SEBUTHARGA BAGI PEMBELIAN KOMPUTER ‘DESKTOP’ UNTUK BAHAGIAN ARKIB NEGARA, JABATAN MUZIUM-MUZIUM**
  
- 4. BILANGAN SEBUTHARGA: 24/JMM/S/12/91 (2021/2022)**  
**SEBUTHARGA ‘TO SUPPLY & DELIVERY SIX (6) DRAWER HORIZONTAL PLAN FILE UNTUK BAHAGIAN ARKIB NEGARA, JABATAN MUZIUM-MUZIUM**

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA**

1. Sebutharga dibukakan kepada syarikat-syarikat/pemborong-pemborong yang mempunyai ‘Sijil Pendaftaran’ yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam yang berkaitan dengan kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja diatas.
  
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
  
3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.

4. **Yuran sebutharga** bagi setiap borang adalah **B\$10.00 (Ringgit: Sepuluh Ringgit Sahaja)** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemberong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar sebutharga yang sah (bona-fide tender).
5. Sebutharga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebutharga serta tarikh tutup sebutharga tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA, JABATAN MUZIUM-MUZIUM, D/A BANGUNAN ARKIB NEGARA, JALAN DEWAN MAJLIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
6. Sebutharga yang lengkap hendaklah dihantar **TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG PADA HARI SELASA 22 FEBRUARI 2022.**
7. Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Sebelum dokumen sebutharga dikeluarkan, setiap syarikat / pemberong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran sebutharga dengan kadar yang telah ditetapkan.
9. Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebutharga yang disediakan. Borang Sebutharga dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar sebutharga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
10. Setiap borang sebutharga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebutharga (seperti kenyataan Para 4).
11. Penender dimestikan untuk menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima sebutharga-sebutharga yang rendah atau lain-lain sebutharga
13. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebutharga atau kontrak setelah kebenaran sebutharga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).